

14 MAC 2018

## Anggota AADK nyaris dilibas pedang samurai

### Anggota AADK nyaris dilibas pedang samurai

**LUMUT 13 Mac** - Seorang suspek dipercayai penagih dadah ditangkap kerana cuba melibas dengan pedang samurai terhadap pegawai dan anggota Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) daerah Manjung dalam serbuan di sebuah rumah di Simpang Dua, Sitiawan di sini hari ini.

Bagaimanapun, hasil kecekapan anggota dan pegawai AADK, suspek berusia 35 tahun itu berjaya ditangkap.

Pegawai AADK Daerah Manjung, Sharudin Abdul Salam berkata, dalam serbuan pukul 7 pagi itu, suspek yang bekerja sebagai juruteknik penghawa di-

ngin itu sedang tidur.

"Suspek dilihat tidur bersama beberapa bilah senjata tajam seperti pedang samurai, pisau rambu dan pisau dapur biasa.

"Apabila anggota kita cuba menangkapnya, suspek bertindak agresif dan mahu membuka sarung pedang samurai dipercayai untuk melibas anggota bertugas namun tidak sempat apabila gerak geri suspek dapat dibaca oleh anggota terlibat.

"Suspek kemudiannya berjaya ditangkap tanpa ada sesiapa yang mengalami kecederaan," katanya di sini hari ini.

Katanya, suspek merupakan

penagih tegar yang terlibat dengan aktiviti penagihan dadah kira-kira 10 tahun lalu dan tangkapan dibuat berdasarkan aduan orang awam dan juga risikan dilakukan pihaknya.

Menurut Sharudin, pihaknya juga menahan seorang lagi suspek yang terlibat dengan penagihan dadah di Kampung Deralik pada pukul 8 pagi.

"Selepas operasi di Simpang Dua selesai kami berjaya menahan seorang lagi suspek di Kampung Deralik melibatkan seorang remaja berusia 17 tahun. Remaja ini dipercayai baru berjinak dalam aktiviti penagihan dadah," katanya.